

BM (TATABAHASA) TAHUN 3

NAMA : _____

KELAS : _____

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (Rabu)

TAJUK : KATA GANTI NAMA

Pilih jawapan yang betul

1. Jali dan Jasni baik hati. _____ disukai oleh rakan-rakan.
A. Kita B. Dia C. Beliau D. Mereka
2. Wahid ponteng sekolah. _____ didenda oleh guru disiplin.
A. Saya B. Dia C. Aku D. Mereka
3. _____ ialah negarawan yang terkenal di Malaysia
A. Dia B. Kamu C. Beliau D. Kita
4. " _____ ingin bersantap," titah sultan.
A. Beta B. Hamba C. Patik D. Tuanku
5. " _____ mohon pertimbangan tuanku," kata Bendahara Tun Perak kepada sultan.
A. Patik B. Hamba C. Aku D. Saya
6. " _____ patut menyanyikan lagu kebangsaan dengan penuh semangat, " kata ketua pengawas.
A. Kita B. Kami C. Dia D. Mereka
7. Munirah suka akan rambutan tetapi _____ tidak suka akan manggis.
A. kita B. dia C. mereka D. nya
8. " _____ akan ke sana sekarang," kata Akmal dan Amin kepada Cikgu Hashim.
A. Kita B. Kamu C. Kami D. Awak
9. "Rumah besar itu terletak di bukit _____," kata Amran kepada Aufa.
A. situ B. sini C. itu D. sana
10. Adik menangis kerana _____ sakit perut.
A. dia B. kami C. mereka D. kita
11. Beberapa orang murid didenda kerana _____ melanggar disiplin sekolah.
A. nya B. mereka C. tuan D. kamu
12. " _____ hendak pergi ke padang," kata Izani kepada kawannya.
A. Aku B. Awak C. Engkau D. Patik

13. Pemimpin dihormati kerana _____ seorang yang bertanggungjawab.
A. beliau B. patik C. saudara D. saya
14. "Inikah adik _____ yang pandai itu?" tanya Choong kepada David.
A. saya B. patik C. engkau D. kami
15. " _____ berharap awak akan dapat menolong saya," kata Elizabeth kepada Diana.
A. Tuan B. Awak C. Saya D. Dia
16. Sham, Zaidi dan Ramesh telah menyiapkan latihan Matematik _____.
A. kami B. kita C. engkau D. mereka
17. Raja Bersiong amat ditakuti kerana _____ seorang raja yang zalim.
A. beliau B. baginda C. tuanku D. dia
18. "Simpan buah-buahan _____ di dalam petik sejuk," kata ibu sambil menghulurkan bakul kepada Nafiz Aryaan.
A. sana B. ini C. sini D. itu
19. "Mari _____ tolong orang tua itu," kata Abdullah kepada Ali.
A. kita B. awak C. beliau D. saya
20. " _____ lah bangunan yang paling tinggi di Malaysia," kata Dhiya kepada Rafidah sambil menunjukkan jari telunjuknya.
A. Sana B. Situ C. Itu D. Ini